

10/08/1998

Waspada permainan pembangkang: Dr Affifuddin

MARAN, Ahad - Ahli Majlis Tertinggi Umno, Datuk Dr Affifuddin Omar, membidas parti pembangkang kerana menuduh kononnya Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim, menjadi punca negara mengalami kegawatan ekonomi dalam ceramah mereka di luar bandar.

Beliau berkata, mereka sengaja berbuat demikian untuk kepentingan politik, sedangkan di Parlimen, parti pembangkang itu menyokong rancangan kerajaan mengatasi kegawatan ekonomi.

Justeru, katanya, ahli Umno perlu berhati-hati supaya tidak terperangkap dengan permainan parti pembangkang itu.

Menurutnya, mereka mesti memberi penjelasan kepada rakyat pada peringkat kawasan masing-masing mengenai keadaan sebenar untuk mengelakkan sangka buruk rakyat terhadap kerajaan.

"Kita semua tahu kegawatan ekonomi disebabkan penyangak mata wang yang menyerang hampir semua mata wang negara Asia, bukannya kerana kedua-dua pemimpin negara itu.

"Pemimpin parti pembangkang itu sengaja membuat dakwaan itu tetapi mereka menyokong dasar kerajaan bagi menangani masalah ekonomi di Parlimen," katanya.

Beliau berkata demikian pada Seminar Sehari Menangani Kegawatan Ekonomi (Pemahaman, Cabaran dan Tindakan) anjuran Biro Penerangan Umno bahagian Maran di Pekan Tajau, dekat sini, hari ini.

Affifuddin yang juga Timbalan Menteri Kewangan, berkata langkah yang diambil kerajaan untuk memulihkan keadaan ekonomi negara adalah untuk mengelakkan masalah terbabit menular ke dalam ekonomi sebenar negara.

"Ekonomi sebenar negara yang antara lain berkaitan dengan perindustrian dan pertanian tidak terjejas dengan banyak," jelasnya.

Beliau menjelaskan ekonomi kewangan negara mengalami masalah akibat perbuatan penyangak mata wang.

"Mereka kini sedang menyerang mata wang Hong Kong dan Afrika Selatan.

"Oleh itu, pucuk kepimpinan negara sebenarnya tidak melakukan kesilapan dalam mentadbir sistem ekonomi.

"Negara ini mempunyai kemudahan yang mencukupi untuk menarik pelabur asing dan tempatan, malah kita mempelawa mereka tetapi sehingga kini, mereka masih berdiam diri," katanya.

Beliau berkata, pelabur mengambil sikap itu disebabkan masalah ekonomi Jepun selain China berhasrat menurun nilai mata wang mereka akibat serangan terhadap mata wang Hong Kong.

Affifuddin berkata, langkah kerajaan memohon pinjaman RM7 bilion daripada Bank Dunia adalah untuk menggerakkan semula ekonomi melalui projek seperti pembinaan jalan, hospital, sekolah.

(END)